



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

Keratan Akhbar

Berita Online

i

BERITA

24 JAM

KPDN

KERATAN AKHBAR & BERITA ONLINE

Untuk makluman:

- | | |
|-----------------------|---------------------|
| ● YB Menteri | ● YBhg. TKSU (PPDN) |
| ● YB Timbalan Menteri | ● YBhg. TKSU (PP) |
| ● YBhg. KSU | ● Setiausaha Akhbar |

Tarikh: 19 JULAI 2024



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR

KPDN



PENGUAT kuasa KPDN memeriksa minyak masak peket 1kg yang dijual di sebuah premis di Teluk Intan kelmarin. — IHSAN KPDN

Minyak peket RM2.50 jual RM3

TELUK INTAN — Kantoil ambil untung 50 sen jual minyak masak peket bersubsidi RM2.50 kepada RM3.

Sikap tidak bertanggungjawab sebuah premis yang menjual minyak masak peket 1 kilogram (kg) bersubsidi melebihi harga ditetapkan mengundang padah apabila kedai itu diserbu Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak Hidup (KPDN) Perak kelmarin.

Pengarah KPDN Perak, Datuk Kamalludin Ismail berkata, serbuan dilakukan kira-kira pukul 10.50 pagi itu melibatkan sepasukan pegawai dan anggota penguatan kuasa KPDN Perak Cawangan Teluk Intan.

Jelasnya, tindakan itu adalah

hasil daripada maklumat dan aduan pengadu yang mendakwa peniaga terbabit menjual minyak masak peket pada harga RM3 berbanding RM2.50 sekilogram yang ditetapkan.

"Bagi memastikan aduan tersebut berasas, sepasukan pegawai dan anggota penguatan kuasa telah melakukan pemeriksaan dengan kaedah penyamaran dengan membuat uji beli melalui Ops Samar.

"Satu uji beli minyak masak peket 1kg dilaksanakan oleh pegawai berkenaan dan maklum balas daripada anak pemilik perniagaan membuktikan minyak masak peket bersubsidi itu dijual dengan harga RM3," katanya di sini semalam.

Kamalludin berkata, setelah uji beli selesai dilakukan, sepasukan pegawai dan anggota penguatan kuasa beruniform kemudianya telah masuk ke dalam premis dan telah melakukan pemeriksaan menyeluruh ke atasnya.

Beliau memberitahu, pemeriksaan di ruangan jualan minyak masak peket mendapat harga dipamerkan adalah RM2.50 sekilogram, namun apabila pelanggan membuat bayaran, harga yang dikenakan RM3 sekilogram.

"Berikutnya penemuan tersebut, satu arahan pengisytiharan stok di bawah Seksyen 8 Akta Kawalan Bekalan 1961 telah diberikan kepada pemilik premis," jelasnya.



PEKERJA-PEKERJA terpaksa menurunkan kembali kotak yang berisi seluar jeans tiruan daripada sebuah kontena dalam serbuan di Off Jalan Kenanga di Kuala Lumpur awal pagi tadi.

Sebanyak 9,100 helai mempunyai cap dagang salah

Seluar jeans tiruan Jalan Kenanga disita

Oleh AZMI NORDIN

KUALA LUMPUR – Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak (KPDN) Kuala Lumpur mengambil tindakan sita hampir separuh kontena berisi ribuan pakaian cap dagangan yang salah, awal pagi semalam.

Serbuan bermula pukul 9.30 malam itu dijalankan ketika kira-kira 20 warga Bangladesh sedang memungah barang dari sebuah kontena di Lorong Merbau, Off Jalan Kenanga, di sini.

Pemeriksaan terhadap 704 kotak di dalam kontena membawa kepada rampasan 210 kotak berisi 9,100 seluar jeans berjenama bernilai RM406,000.

Ketua Pegawai Penguat kuasa

KPDN Kuala Lumpur, Nurul Syarina Md Anuar berkata, tindakan dijalankan susulan aduan orang awam berkenaan aktiviti berkenaan.

"Operasi Akta Cap Dagangan 2019 (ACD) membawa kepada pemeriksaan sebuah kontena dipercayai dari Bangladesh yang berisi bungkusan kotak pakaian pelbagai jenama.

"Hasil serbuan ke atas lori kontena ini menemui sejumlah barang berjenama. Semakan mendapat terdapat pakaian berjenama dipercayai dipakai dengan cap dagangan yang salah," katanya.

Kata Nurul Syarina, pihaknya mendapat terdapat 704 kotak berisi pakaian dalam badan lori

kontena tersebut.

"Hasil pemeriksaan mendapat terdapat 210 kotak mempunyai pakaian berjenama yang mempunyai cap dagangan yang berdaftar.

"Rampasan membabitkan 9,100 helai seluar jeans berjenama serta dokumen berkaitan syarikat dan pelepasan pelabuhan," katanya.

"Dipercayai pakaian tersebut diimport dari Bangladesh melalui Pelabuhan Klang serta dihantar oleh ejen kepada para peniaga di sekitar kawasan Jalan Kenanga di sini," katanya.

Kata Nurul Syarina, seorang lelaki tempatan lingkungan 40-an iaitu pemandu lori kontena turut ditahan bagi membantu siasatan kes Akta Cap Dagang 2019.

Dah 8 tahun tamat tempoh



ma pelanggan beragama Islam.

Katanya, siasatan lanjut sedang dijalankan dan kes diambil tindakan di ba-

wah Perenggan 4 (1)(a) Perintah Perihal Dagangan (Perakuan Dan Penandaan Halal) 2011.

KPDN Pulau Pinang memberi amaran kepada penia-

ga agar tidak menggunakan logo halal Malaysia tanpa diperakui oleh pihak berkuasa berwibawa sama ada Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakkim) atau Majlis Agama Islam Negeri (Main).



ANGGOTA KPDN Pulau Pinang memeriksa bungkusan rempah di kilang yang diserbu.

Kilang guna sijil halal tamat tempoh kena serbu, rempah RM12,490 dirampas

Oleh Nur Izzati
Mohamad
am@hmetro.com.my

Bukit Mertajam

Sebanyak 2,498 bungkus rempah-ratus bernilai RM12,490 dirampas Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Pulau Pinang selepas didapati menggunakan sijil halal tamat tempoh.

Pengarahnya S Jegan berkata, operasi bersepadu itu dijalankan pihaknya bersama Bahagian Pengurusan Halal, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Pulau Pinang (JHE-AIPP) di kilang terletak di Permatang Tinggi di sini, kelmarin.

“Bertindak hasil maklumat dan risikan, kami menjalankan operasi di kilang itu dan mendapati bungkusan rempah-ratus masih gunakan logo halal Malaysia tidak sah bagi tujuan perdagangan ke atas produk jualannya.

“Sijil halal di kilang rempah-ratus itu tamat tempoh sejak lapan tahun lalu, sebelum ini syarikat itu mempunyai sijil halal, namun atas beberapa faktor sijil berkenaan gagal diperbaharui, namun pemiliknya masih menggunakan (logo sijil halal),” katanya semalam.

Jegan yang mengetuai operasi berkata, tindakan syarikat itu boleh mengelirukan pengguna terutaa-

Jual RM3 sekilo minyak masak subsidi

Teluk Intan: Jual minyak masak subsidi peket 1 kilogram melebihi harga ditetapkan bagi mengaut keuntungan.

Itu tindakan tamak seorang peniaga kedai runcit di Taman Indah Jaya, di sini, yang mengenakan harga RM3 bagi setiap sekilogram barang kawalan itu padahal harga ditetapkan adalah RM2.50 sekilog-ram.

Susulan maklumat diterima, sepasukan penguat kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) menyerbu premis itu kelmarin.

Pengarah KPDN Perak, Datuk Kamalludin Ismail berkata, operasi itu dilakukan susulan aduan pengguna yang mendakwa premis mengenakan harga lebih tinggi dari ditetapkan kerajaan.

Menurutnya, sepasukan pegawai penguat kuasa KPDN melakukan pemeriksaan dengan kaedah penyamaran dengan membuat uji beli melalui Ops Samar di kedai itu, jam 10.50 pagi.

“Pemeriksaan di ruangan jualan minyak masak peket mendapati, harga yang dipamerkan adalah RM2.50 sekilogram, namun apabila pelanggan membuat bayaran, harga dikenakan adalah RM3 sekilogram,” katanya semalam.

Beliau berkata, kes disia-



PENGUAT kuasa KPDN Perak menyita 55kg minyak masak peket bersubsidi di sebuah kedai runcit di Taman Indah Jaya, Teluk Intan.

sat mengikut Akta Kawalan Bekalan 1961 dengan satu arahan pengistiharan stok mengikut Seksyen 8 Akta Kawalan Bekalan 1961 diberikan kepada pemilik premis.

“KPDN turut bertindak menyita 55kg minyak masak peket dianggarkan bernilai RM165 yang ditemui untuk siasatan lanjut,” katanya.

Tegas beliau, KPDN tidak

akan berkompromi dengan mana-mana pihak yang didapati mengambil kesempatan dengan menjual barang kawalan melebihi harga yang ditetapkan,” kata-nya,

Seluar jean tiruan 'terbang' dari Bangladesh

Barangan dibawa keluar pada waktu malam elak dihindu pihak berkuasa

Oleh MUHAMMAD AFHAM RAMLI
KUALA LUMPUR

Ribuan seluar jean tiruan yang menggunakan jenama terkenal dan dibawa masuk dari Bangladesh melalui Pelabuhan Klang ke ibu negara menggunakan kontena berjaya dibongkar pada Rabu.

Operasi sepasukan pegawai dan anggota Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak Hidup (KPDN) Kuala Lumpur bersama wakil cap dagang itu dijalankan kira-kira jam 9.20 malam hasil maklumat dan risikan selama tiga minggu.

Sinar Harian yang mengikuti operasi di Lorong Merbau Off Jalan Kenanga terbabit mendapati modus operandi sindiket ialah menggunakan kira-kira 20 warga Bangladesh sebagai pekerja untuk mengangkat keluar kotak berisi barang pakaian berjenama dan tidak berjenama dari kontena terbabit.

Bagi mengelakkan aktiviti itu mudah dikesan pihak KPDN, kerja-kerja itu dilakukan pada waktu malam tanpa mengira hari.

Selain itu, sindiket juga gagal mengaburi pihak berkuasa apabila menyusun kotak berisi ribuan seluar jean tiruan di bahagian paling depan sebelum meletakkan timbunan kotak pakaian lain.



Anggota penguat kuasa KPDN memeriksa kotak berisi seluar jean tiruan susulan penahanan sebuah lori kontena di Jalan Kenanga, Kuala Lumpur pada Rabu.

Dipercuryai, tindakan itu juga bagi mengaburi periksaan pihak kastam semasa di pelabuhan.

Difahamkan, pakaian itu akan dibahagikan kepada lima hingga enam 'emain' di sekitar Jalan Kenanga sebelum dijual secara borong dan runcit.

Ketua Pegawai Penguat kuasa KPDN Kuala Lumpur, Nurul Syarina Md Anuar berkata, siasatan pihaknya mendapat pakaian-pakaian tersebut diimport dari Bangladesh sebelum

dihantar kepada peniaga di sekitar Jalan Kenanga.

Ujarnya, serbuan pada kontena berkenaan menemui 704 kotak berisi pelbagai pakaian.

"Ini termasuk 210 kotak berisi seluar jean yang disyaki dipakaikan dengan cap dagangan yang salah sebanyak 9,100 helai bernilai RM406,000," katanya kepada *Sinar Harian* pada Khamis.

Beliau berkata, KPDN menahan pemandu lori kontena untuk membantu siasatan.

Mahkamah & Jenayah

Haaa..nak bagi tahu,
ada sesuatu yang
MENARIK
menanti anda
Julai ini!

Kembalikan Nostalgia
Karnival Rakyat
KARANGKRAF

Pamer harga RM2.50, jual RM3

Kedai runcit diserbu KPDN,
55 kilogram minyak masak
peket disita

Oleh NORMAWATI ADNAN
TELUK INTAN

Sebuah kedai runcit di sini dikenakan tindakan oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak Hidup (KPDN) selepas didapati menjual barang kawalan minyak masak peket 1 kilogram (kg) bersubsidi melampaui harga yang ditetapkan.

Dalam pemeriksaan sekitar jam 10.50 pagi pada Rabu itu, pemilik premis dikesan mempamerkan harga RM2.50 bagi satu peket di ruang jualan, namun mengenakan RM3 apabila pelanggan membuat bayaran.

Pengarah KPDN Perak, Datuk Kamal-Iudin Ismail berkata, aduan kes itu diterima daripada orang awam yang mendakwa mereka dikenakan caj lebih RM0.50 daripada harga kawalan ditetapkan.

AJENYE
YE!



Pemilik premis dikesan mempamerkan harga RM2.50 bagi satu peket di ruang jualan, namun mengenakan RM3 apabila pelanggan membuat bayaran.

"Bagi memastikan aduan berasas, sepasukan pegawai dan anggota pengauku telah melakukan penyamaran dengan membuat uji beli menerusi Op Samar."

"Uji beli minyak masak peket 1kg yang dilakukan dan maklum balas daripada anak pemilik perniagaan mengesahkan, minyak tersebut dijual pada harga RM3," katanya.



KPDN turut mengenakan tindakan sita ke atas 55kg minyak masak peket dianggarkan RM165 yang ditemui di premis itu.

dalam kenyataan di sini pada Khamis.

Beliau berkata, susulan kes itu, satu arahan pengisytiharan stok di bawah Seksyen 8 Akta Kawalan Bekalan 1961 telah diberikan kepada pemilik premis.

Katanya, KPDN turut menyita 55kg minyak masak peket dianggarkan bernilai RM165 yang ditemui di premis itu untuk siasatan lanjut dan kes akan disiasat di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961.

KPDN Perak serbu kedai jual minyak peket melebihi harga jualan

IPOH: Tindakan seorang peniaga kedai runcit menjual minyak masak peket bersubsidi dengan harga RM3 sebungkus berbanding harga asal RM2.50 mengundang padah apabila kedainya diserbu pasukan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak Hidup (KPDN) Perak.

Perbuatan peniaga di Taman Indah Jaya, Teluk Intan itu dikecam oleh penguat kuasa KPDN Perak Cawangan Teluk Intan yang melakukan uji beli melalui Ops Samar, kelmarin.

Pengarah KPDN Perak Datuk Kamalludin Ismail berkata serbuan pada kira-kira 10.50 pagi

itu hasil aduan orang ramai mengenai peniaga yang menjual barang kawalan melebihi harga ditetapkan.

“Ketika serbuan dilakukan seorang daripada penguat kuasa menyamar sebagai pelanggan berpakaian preman membeli minyak masak itu bertanyakan harga kepada anak pemilik premis dan menyatakan sepeket dijual dengan harga RM3.

“Sepasukan penguat kuasa kemudian menyerbu premis dan mendapatkan harga dipamerkan RM2.50 namun harga yang dikenakan RM3,” katanya dalam satu kenyataan semalam.

Beliau berkata arahan pengisyiharan stok di bawah Seksyen 8 Akta Kawalan Bekalan 1961 dikeluarkan kepada pemilik premis serta sebanyak 55 kilogram minyak masak peket yang ditemui disita untuk siasatan lanjut dan nilai rampasan dianggarkan sebanyak RM165.

Tindakan diambil mengikut Seksyen 22 Akta Kawalan Bekalan 1961 yang memperuntukkan hukuman maksimum denda RM1 juta atau penjara tiga tahun bagi individu, manakala bagi pertubuhan atau perbadanan, denda maksimum ialah RM2 juta.
— Bernama



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

BERITA ONLINE

KPDN & AGENSI



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

BERITA ONLINE BERTARIKH 19 JULAI 2024

TARIKH	TAJUK	PAUTAN	MEDIA
19-Jul	KPDN Perak serbu kedai jual minyak paket melebihi harga jualan	https://www.dailyexpress.com.my/news/238227/kpdn-perak-serbu-kedai-jual-minyak-paket-melebihi-harga-jualan/	DAILY EXPRESS
19-Jul	KPDN PERAK SERBU KEDAI JUAL MINYAK PAKET MELEBIHI HARGA JUALAN	https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2319000	BERNAMA
19-Jul	Jual minyak masak subsidi lebih mahal, peniaga berdepan tindakan undang-undang	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/jual-minyak-masak-subsidi-lebih-mahal-peniaga-berdepan-tindakan-undangundang-479535	ASTRO AWANI
19-Jul	Peniaga cari pasal, pamer harga RM2.50 tapi jual RM3	https://www.sinarharian.com.my/article/675629/berita/semasa/peniaga-cari-pasal-pamer-harga-rm250-tapi-jual-rm3	SINAR HARIAN
19-Jul	Pamer harga minyak masak peket RM2.50, jual RM3	https://malaysiaga-zette.com/2024/07/18/pamer-harga-minyak-masak-peket-	MALAYSIA GAZETTE
19-Jul	Jual minyak masak peket RM3 berbanding RM2.50 yang ditetapkan	https://www.kosmo.com.my/2024/07/18/jual-minyak-masak-peket-rm3-berbanding-rm2-50-yang-ditetapkan/	KOSMO
19-Jul	Ops Samar: KPDN kesan peniaga jual barang kawalan melebihi harga yang ditetapkan	https://www.buletintv3.my/nasional/ops-samar-kpdn-kesan-peniaga-jual-barang-kawalan-melebihi-harga-yang-ditetapkan/	BULETIN TV3
19-Jul	Sambal belacan 'sesudu' RM3	https://www.kosmo.com.my/2024/07/18/sambal-belacan-sesudu-rm3/	KOSMO
19-Jul	Guna logo halal tamat tempoh, rempah-ratus bernilai lebih RM12,000 dirampas	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/guna-logo-halal-tamat-tempoh-rempahratus-bernilai-lebih-rm12000-dirampas-479498	ASTRO AWANI

19-Jul	KPDN, JHEAIPP serbu kilang rempah ratus tanpa sijil halal	https://malaysiatribune.news/2024/07/18/kpdn-jheipp-serbu-kilang-rempah-ratus-tanpa-sijil-halal/	MALAYSIA TRIBUNE
19-Jul	Kilang Rempah Guna Logo Halal Luples Tarikh	https://malaysiagazette.com/2024/07/18/kilang-rempah-guna-logo-halal-	MALAYSIA GAZETTE
19-Jul	Tipu timbangan, KPDN serbu premis jual ayam proses	https://www.bharian.com.my/berita/kes/2024/07/1273096/tipu-timbangan-kpdn-serbu-premis-jual-ayam-proses	BERITA HARIAN
19-Jul	Timbang lain, harga lain, premis jual ayam proses diperiksa	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/07/1112645/timbang-lain-harga-lain-premis-jual-ayam-proses-diperiksa	HARIAN METRO
19-Jul	Tujuh lori diubah suai 'curi' diesel ditahan	https://www.sinarharian.com.my/article/675710/berita/semasa/tujuh-lori-diubah-suai-curi-diesel-ditahan	SINAR HARIAN
19-Jul	9,100 pakaian jenama tiruan dari Bangladesh dirampas	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/07/1112665/9100-pakaian-jenama-tiruan-dari-bangladesh-dirampas	HARIAN METRO
19-Jul	Separuh kontena dipenuhi seluar tiruan dirampas	https://www.kosmo.com.my/2024/07/18/separuh-kontena-dipenuhi-seluar-tiruan-dirampas/	KOSMO
19-Jul	Jeans tiruan 'terbang' dari Bangladesh	https://www.sinarharian.com.my/article/675703/berita/semasa/jeans-tiruan-terbang-dari-	SINAR HARIAN
19-Jul	PRK Nenggiri: KPDN Kelantan ingatkan peniaga jangan ambil kesempatan	https://www.sinarharian.com.my/article/675705/edisi/kelantan/prk-nenggiri-kpdn-kelantan-ingatkan-peniaga-jangan-	SINAR HARIAN
19-Jul	PRK Nenggiri: Tiada kompromi peniaga naikan harga makanan, barang	https://www.utusan.com.my/berita/2024/07/prk-nenggiri-tiada-kompromi-peniaga-naikan-harga-makanan-barangan/	UTUSAN MALAYSIA

19-Jul	24.8 PERATUS PELAJAR UMK MILIKI SYARIKAT SENDIRI DI UNIVERSITI	https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2319327	BERNAMA
19-Jul	Kunjungi Jualan Ehsan Rahmah di tujuh cawangan Segi Fresh hujung minggu ini	https://selangorkini.my/2024/07/kunjungi-jualan-ehsan-rahmah-di-tujuh-cawangan-segi-fresh-hujung-minggu-	SELANGOR KINI
19-Jul	Jual rempah guna sijil halal luput 8 tahun	https://www.buletintv3.my/jenayah/jual-rempah-guna-sijil-halal-luput-8-tahun/	BULETIN TV3
19-Jul	Melaka KPDN received over 90 complaints on high food prices, including RM3 for a spoonful of sambal belacan	https://thesun.my/local-news/melaka-kpdn-received-over-90-complaints-on-high-food-prices-including-rm3-for-a-spoonful-of-sambal-belacan-EA12742327	THE SUN